

# Matrix Concepts catat keuntungan bersih lebih besar RM251.4j

**Matrix Concepts Holdings Bhd** mencatat keuntungan bersih RM251.4 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2024, meningkat 21.3 peratus daripada RM207.2 juta pada tahun sebelumnya.

Prestasi itu mewakili keuntungan bersih yang kedua tertinggi pernah dicapai kumpulan sejak penyenaiaannya yang didorong oleh permintaan kukuh untuk portfolio hartanah terpelbagai yang memenuhi pelbagai pilihan pembeli rumah.

Menurut pemaju hartanah itu dalam satu kenyataan semalam, keputusan cemerlang berkenaan mencerminkan tarikan semakin meningkat bagi projek kumpulan yang terletak di lokasi strategik di seluruh Negeri Sembilan, Lembah Klang dan Johor, dilengkapi dengan sumbangan yang semakin meningkat daripada bahagian perniagaan lain.


"Pendapatan untuk tahun kewangan meningkat 20.4 peratus kepada RM1.34 bilion berbanding RM1.11 bilion sebelumnya, dipacu pengiktirafan hartanah kediaman dan komersial, ditambah jualan hartanah industri dan peningkatan sumbangan daripada

bagian pendidikan dan hospitaliti.

"Ini terutama, permintaan berterusan untuk tawaran premium mampu milik yang dicari oleh kumpulan dalam Sendayan Developments utama di Seremban menggariskan kepakarannya dalam memenuhi trend pasaran dan menyampaikan nilai kepada pemilik rumah.

"Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk mempelbagaikan aliran pendapatannya bagi pertumbuhan mampun, kumpulan mencatatkan sumbangan keuntungan sulung RM5 juta dalam yuran pengurusan pada separuh kedua tahun kewangan 2024 daripada bahagian penjagaan kesihatannya, iaitu Pusat Perubatan Mawar (MMC) di Seremban," katanya.

Pengerusi Matrix Concepts, Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin, berkata prestasi teguh kumpulan itu pada tahun kewangan 2024, ditambah pula dengan kadar pengambilan yang kukuh secara konsisten melebihi 80 peratus di seluruh pembangunannya, menggariskan daya tahan model perniagaan yang menguta-



Mohamad Haslah (kanan) bersama Pengasas dan Timbalan Pengerusi Eksekutif Matrix Concepts, Datuk Seri Lee Tian Hock.

makan pelanggan.

"Kejayaan ini, ditambah pula kedudukan kewangan kukuh dan aliran pendapatan yang pelbagai, telah mengukuhkan jenama dan peneraju pasaran, membuka jalan kepada pemangkin pertumbuhan utama kami yang seterusnya, iaitu pembangunan

perbandaran seluas 559.68 hektar yang akan datang di Lembah Wawasan Malaysia (MVV).

"Menjelang tahun kewangan 2025, kami yakin dengan keyakinan terus menyampaikan keputusan kewangan yang kukuh dan mencipta nilai jangka panjang untuk pemegang saham."

"Dengan anggaran jangka masa pembangunan tujuh hingga 10 tahun dan unjuran nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM7 bilion, MVV mewakili peluang transformatif untuk kumpulan, bersedia meningkatkan pendapatan lebih 30 peratus pada tahun mendatang dan mengukuhkan kedudukan kami sebagai pemaju hartanah terkemuka," katanya.

Mohamad Haslah berkata, kumpulan terus mempelbagaikan aliran pendapatannya melalui pembangunan unit perniagaan yang saling melengkapi.

"Sumbangan awal daripada MMC mencontohi strategi ini, dengan bahagian penjagaan kesihatan dijangka menyumbang kira-kira lima peratus kepada pendapatan kumpulan pada masa hadapan.

"Kami akan terus mengenal pasti dan mendapatkan perolehan tanah berkualiti dan usaha niaga yang melengkapkan operasi sedia ada, memastikan kepelbagaian dan pengembangan yang berterusan untuk kumpulan, sambil kekal fokus untuk menyampaikan nilai jangka panjang kepada pemegang saham," katanya.